

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGGALAN CHEPA]**

SOALAN NO. 361

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGGALAN CHEPA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan satu sistem pertukaran guru suka sama suka iaitu mana-mana guru yang ingin bertukar boleh mengisi permohonan *online* dan sekiranya "*matching*" maka ianya layak dan boleh bertukar sebaik tiba cuti penggal berikutnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan pertukaran guru dibuka setiap tahun melalui aplikasi atas talian e-GTukar bagi dua sesi pertukaran iaitu sesi Jun tahun semasa dan sesi Januari tahun berikutnya.

Pertukaran guru 'suka sama suka' tidak dilaksanakan kerana proses kelulusan pertukaran guru dibuat berdasarkan wajaran, tahun berkhidmat dan beberapa kriteria lain yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertukaran Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, kelulusan pertukaran guru KPM bergantung kepada tiga perkara utama iaitu keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di negeri/kawasan yang dimohon.